

Mengistiharkan Kristus adalah tidak dibenarkan di Comoros



Populasi: 711,417 (Anggaran Julai 2007)

98% Muslim, 0.5% Katolik, 1.5% Lain-lain

Beberapa tahun yang lalu, Pulau Comoros dikenali dengan eskpot pati wangan serta vanilla dan bunga

cengkih. Walaubagaimanapun, Comoros telah hampir dilupakan pada hari ini. Rangkaian pulau ini mengandungi tiga pulau gunung berapi utama yang terletak dekat dengan pesisiran pantai negara Afrika, 300 meter (200 batu) dari timur Mozambique. Pulau Comoros telah menderitai 19 cubaan rampasan kuasa semenjak mendapatkan kemerdekaan dari Perancis pada tahun 1975. Sebuah pulau lagi iaitu Mayotte, masih ditadbir oleh Perancis. Pulau-pulau ini adalah miskin dan tidak dimajukan dengan pengangguran yang tinggi.

Kebanyakan penduduk adalah petani sara hidup.

Orang-orang Comoros adalah peramah, suka menerima tetamu dan mempunyai bakat seni. Ramai kaum wanita terlibat di dalam jahit-menjahit dan kaum lelaki di dalam pengukiran kayu. Orang-orang Comoros adalah keturunan dari hamba-hamba Afrika dan ada juga yang berasal dari kawasan Arab.

Warisan keIslaman:

Orang-orang Comoros bangga dengan warisan Islam mereka, bermula dari awal 1500-an, Islam adalah agama rasmi negara ini. Terdapat lebih



kurang 1,400 masjid di seluruh pulau-pulau itu. Gangguan dan penindasan sosial terhadap pengikut-pengikut Yesus adalah meluas dan penginjian adalah salah di sisi undang-undang. Kerajaan telah menghadkan penggunaan tiga buah gereja untuk golongan bukan penduduk sahaja. Alkitab boleh didapati dalam bahasa Perancis dan Arab, terdapat beberapa bahagian firman dalam bahasa Comoro. Namun, oleh kerana kadar kecelikan huruf agak rendah (hampir 60%), rakaman Injil adalah lebih berguna. Beberapa orang Comoros

telah menerima Yesus baru-baru ini.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah supaya Injil boleh didapati bagi semua keluarga di kepulauan Comoros (Kejadian 12:1-3)*
- *Berdoa supaya muzik Kristian, cerita-cerita Alkitab dan penyiaran radio yang lain akan mendapat pendengar-pendengar yang baru dan menyentuh ramai hidup untuk Yesus.*

- *Berdoa menentang ketakutan, ilmu sihir, kutukan-kutukan dan interaksi dengan jin (roh-roh jahat). Orang-orang Comoros terikat dengan amalan-amalan ini. Hanya kuasa Yesus Kristus yang lebih kuat dari semua ini yang dapat membebaskan mereka (1 Petrus 5:8, Matius 10: 28-30).*

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

